

## PARENTS PERCEPTIONS TO WARDS COMMUNITY- BASED REHABILITATION PROGRAMME AT FELDA BUKIT GOH HEALTH CENTRE, KUANTAN, PAHANG, 1995

### *PERSEPSI PENJAGA KEPADA KANAK-KANAK DENGAN KEPERLUAN KHAS TERHADAP PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI DI PUSAT KESIHATAN FELDA BUKIT GOH, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR, 1995*

**Fatimah A. Majid, Hanafiah Mohd. Salleh**

#### **ABSTRACT**

A cross sectional study regarding the status of parents' perceptions towards community-based rehabilitation programme was carried out at Bukit Goh Health Centre, Kuantan, Pahang. All the 23 parents and their disabled child who have registered for this programme from February 1994 to December 1994 were taken as study samples. It is important to have parents with positive perceptions who will give continuous commitment, active participation and will ensure the survival of the programme. A guided questionnaire was used to measure parents perceptions and a group of selected toys and Denver Developmental Screening Test were used to measure the current status of childrens' skills development. The study revealed that 78.3% of parents have positive perceptions and 21.7% negative perceptions. No significant differences or relationships were found between parents' perceptions with studied variables. However, there are positive correlations between parents, knowledge, attitudes and motivations with childrens' skills performances and between parents' knowledge with attitudes. Based on these findings, parents' perceptions towards the programmes can be improved indirectly by special emphasis on these positive factors.

#### **ABSTRAK**

Satu kajian irisan 1intang mengenai persepsi penjaga kepada kanak-kanak dengan keperluan khas terhadap program Pemulihan Dalam komuniti yang diadakan di Pusat Kesihatan Bukit Goh, Kuantan, Pahang telah dijalankan. Kesemua 23 orang penjaga dan anak-anak dengan keperluan khas mereka yang telah mendaftar di program ini dari bulan Februari hingga Disember 1994, telah diambil sebagai sampel kajian. Adalah penting bagi penjaga untuk mempunyai persepsi yang positif bagi terus beriltizam, melibatkan diri secara aktif dan menjamin kesinambungan program ini. Status persepsi penjaga telah diukur dengan menggunakan borang soalselidik berpandu manakala satu set alat-alat permainan yang terpilih dan carta "Denver Developmental Screening Test" telah digunakan untuk mengukur status perkembangan pencapaian kemahiran kanak- kanak semasa. Hasil kajian mendapat 78.3% penjaga mempunyai persepsi yang positif terhadap program ini sementara 21.7% mempunyai persepsi yang negatif. Tidak terdapat hubungan dan perbezaan yang bermakna di antara status persepsi penjaga dengan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Namun, terdapat sekutuan yang positif di antara pembolehubah-pembolehubah pengetahuan, sikap dan dorongan yang diterima oleh penjaga dengan pencapaian kemahiran anak dan di antara pengetahuan penjaga dengan sikap penjaga. Dari hasil kajian, persepsi penjaga terhadap program ini boleh diperbaiki secara tidak langsung dengan memberi penekanan-penekanan khusus kepada pembolehubah -pembolehubah yang mempunyai kolerasi positif ini.